

20/10/2001

Imbangi kehilangan hasil

LANGKAH penghapusan dan pengurangan cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 2002, akan menyebabkan kerajaan mengalami kehilangan hasil sebanyak kira-kira RM1.2 bilion tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengimbangi kehilangan hasil itu, kerajaan mengambil langkah meningkatkan perbelanjaan bagi merangsang kegiatan ekonomi dalam negara.

Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mencari sumber yang boleh meningkatkan hasil supaya kedudukan kewangan terus kukuh.

"Kerajaan tidak bercadang meningkatkan kadar cukai perkhidmatan, namun bercadang mengurangkan nilai jualan tahunan cukai berkeajaan," katanya.

Langkah pertama yang dicadangkan Perdana Menteri berhubung perkara itu ialah nilai jualan tahunan bagi tujuan pengenaan cukai perkhidmatan bagi restoran, bar, snek bar dan coffee house, kelab persendirian dan syarikat pengiklanan dikurangkan daripada RM500,000 kepada RM300,000.

Selain itu katanya, kerajaan turut mencadangkan nilai jualan tahunan sebanyak RM300,000 terhadap perkhidmatan profesional dikurangkan kepada RM150,000.

Perdana Menteri berkata, selaras usaha menjayakan langkah itu, kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan dan kajian di jalan raya bagi membanteras mereka yang cuba mengelak cukai.

Sementara itu, kerajaan akan mengurangkan subsidi bagi petroleum dengan meningkatkan harga runcit diesel dan petrol sebanyak 10 sen seliter mulai hari ini bagi mengurangkan beban kewangannya.

(END)